



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 21 Tahun 2020

PINDAAN AGIHAN PERATURAN PENILAIAN KUALITI PERIBADI DALAM LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) BAGI PENTADBIR AKADEMIK BERJAWATAN DALAM PENGURUSAN TINGGI / PENGURUSAN KANAN UNIVERSITI

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan semula kepada semua warga UiTM dan pihak yang berkepentingan mengenai pindaan agihan peraturan penilaian Kualiti Peribadi dalam Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi pentadbir akademik berjawatan dalam Pengurusan Tinggi / Pengurusan Kanan Universiti.

LATAR BELAKANG

2. Peranan pentadbir akademik berjawatan dalam Pengurusan Tinggi / Pengurusan Kanan Universiti adalah amat besar dalam memikul tanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik dan pengurusan serta hal ehwal jabatan masing-masing. Oleh itu, agihan peraturan antara tugas hakiki sebagai pensyarah dan tugas kepimpinan (kualiti peribadi) di dalam LNPT perlu sesuai dan berpatutan dengan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

3. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 37 / 2020 pada 11 November 2020 telah meluluskan pindaan agihan peraturan tugas hakiki (sebagai pensyarah) dan tugas kepimpinan (kualiti peribadi) bagi Trek Kepimpinan Institusi di dalam LNPT. Agihan peraturan ini terdahulunya telah diluluskan dalam MEU Bil. 28 / 2016 pada 21 Disember 2016. Dengan pindaan yang terkini, agihan peraturan antara tugas hakiki dan tugas kepimpinan adalah mengikut jawatan lantikan dan tidak lagi mengikut gred jawatan.

PELAKSANAAN

4. Agihan peraturan antara tugas hakiki sebagai pensyarah dan tugas kepimpinan (kualiti peribadi) di dalam LNPT diperincikan di bawah:

Jawatan	Peratusan Hasil ATPT	Peratusan Penilaian Kualiti Peribadi	Jumlah Peratusan Hasil ATPT & Penilaian Kualiti Peribadi (LNPT)
Timbalan Naib Canselor	55	45	100%
Penolong Naib Canselor	55	45	100%
Dekan	55	45	100%
Rektor	55	45	100%
Pengarah	55	45	100%

TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling ini dikeluarkan pada 23 November 2020.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai LNPT bagi tahun penilaian 2020.



PROF. Ts. Dr. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 23 November 2020
Kategori Pekeliling : Dasar / Polisi